

TEACH FOR MALAYSIA

# Laporan Impak 2022



# Pengenalan

Kami sedar bahawa seorang guru yang hebat mampu membawa transformasi dalam kehidupan anak-anak murid – dengan membangunkan kemahiran, ilmu pengetahuan dan pemikiran untuk mengembangkan potensi mereka. Sejak 2012, Teach For Malaysia (TFM) telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan negara dengan meletakkan para pemimpin yang berbakat sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk memerangi ketidaksamaan pendidikan. Pada tahun 2020, kami meluaskan usaha ini dengan membimbing guru-guru STEM sekolah awam melalui sebuah program 2 tahun bernama Program Duta Guru (PDG). Setiap tahun, kami mengimbas semula usaha-usaha lalu untuk mengukur dan menilai hasil kerja kami merentas matlamat strategik. Laporan ini menggariskan impak dan pencapaian-pencapaian utama pada tahun lalu.



# Kandungan

- 1 Mesej Ketua Pegawai Eksekutif**
- 2 Ketidaksamaan Pendidikan di Malaysia**
- 5 TFM Membawa Impak**
- 15 2022 Sekilas Pandang**
- 17 Impak Kolektif: Tiga Tunjang Kami**
- 48 Kewangan**
- 49 Sertai Kami**





# Mesej Ketua Pegawai Eksekutif



**Chan Soon Seng**  
CEO, Teach For Malaysia

Saya berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda **Laporan Impak Teach For Malaysia 2022**, sebuah ringkasan impak kolektif daripada Felo TFM, peserta Program Duta Guru, pemimpin murid dan masyarakat, sukarelawan, kakitangan, dan semua Alumni TFM kami yang dihargai. Laporan ini hanyalah sedikit gambaran usaha gigih mereka memperjuangkan pendidikan berkualiti untuk semua kanak-kanak di Malaysia. Walaupun laporan ini tidak dapat membentangkan sepenuhnya impak luas yang dicapai oleh mereka namun, kami tetap berharap dapat sedikit sebanyak meraikan mereka.

Sambil dunia bangkit semula seusai pandemik COVID-19, kita tidak boleh lupa bahawa kesan jangka panjang wabak masih terasa. Hakikatnya, 42 minggu penutupan sekolah telah mengakibatkan kecinciran pembelajaran selama tujuh bulan (anggaran Bank Pembangunan Asia), tanpa mengambil kira jurang perbezaan pencapaian pendidikan berdasarkan status sosioekonomi. Statistik ini sangat membimbangkan, dan menyedarkan kita bahawa inilah saat-saat genting sebab kita harus melabur untuk merapatkan jurang pendidikan, dan rasional usaha ini amat penting sekarang.

Ketika saya merenung impak kami sepanjang tahun lalu, saya kagum betapa banyak pembaharuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Teach For Malaysia meskipun berdepan dengan landskap pendidikan yang mencabar.

Pada bulan Jun tahun lalu, kami menempatkan Kohort Felo ke-10 di Perak. Penempatan ini merupakan detik bersejarah bagi organisasi kami, kerana inilah kali pertama kami meluaskan sayap ke sekolah rendah dan sekolah Orang Asli, serta melancarkan haluan Program TFM Sebagai Rakan Guru (*Teaching Partner Pathway*). Saya amat berbangga dengan Kohort 2022 yang telah mempelopori pendekatan pengajaran bersama (*co-teaching*) untuk Program TFM dengan menyediakan pembelajaran berkualiti dan akses kepada peluang di dalam dan di luar bilik darjah untuk murid-murid Orang Asli di sekolah mereka. Ketahui lebih lanjut tentang perjalanan mereka yang penuh inspirasi dalam bab "Kesan Kolektif: Kepimpinan Baharu."

Pada tahun 2022, kami juga meraikan 253 guru yang menamatkan program daripada Kohort Satu dan Dua Program Duta Guru, yang dijayakan dengan kerjasama Yayasan PETRONAS. Duta Guru kami kini menerajui dan membina komuniti guru teladan STEM, menjadi juara dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan minat dalam pendidikan STEM di Malaysia.

Tahun 2022 ialah tahun Teach For Malaysia menyambut Ulang Tahun ke-10 kami. Sepanjang sedekad yang lalu, kami telah membawa pendidikan berkualiti kepada 330,285 pelajar, melalui 474 Felo TFM daripada 10 Kohort Program TFM, 572 Guru PDG daripada 3 Kohort PDG, dan membina kolaborasi dengan 893 sekolah di 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan. Kami amat berbesar hati kerana turut menerima Anugerah Merdeka yang berprestij bagi Kategori Pendidikan dan Komuniti, sebagai tanda pengiktirafan usaha kami ke arah merapatkan jurang pendidikan di negara kita. Dengan kerjasama Yayasan YTL, kami juga menerima anugerah antarabangsa pertama kami - *People's Choice Award* dalam *Constellations Award 2022*, oleh Asian Venture Philanthropy Network (AVPN), rangkaian pelaburan sosial terkemuka di Asia - atas kejayaan inisiatif *Learn From Home*.

Meneruskan momentum impak 10 tahun yang lalu, pada tahun 2022 kami mengorak langkah untuk membawa Teach For Malaysia ke dekad seterusnya, dengan jiwa yang berani bercita-cita tinggi. Kami telah melancarkan Strategi dan Aspirasi 2030 untuk membina gerakan 30,000 orang pemimpin menjelang 2030, didorong oleh komitmen bersama untuk mencapai misi dan visi kami. Ini merupakan sebuah lonjakan yang besar. Kami percaya dengan sepenuh hati terhadap kuasa transformatif dalam pendidikan, dan keperluan mendesak yang dihadapi sekarang untuk membina momentum kepimpinan yang secukupnya dalam generasi kita. Di TFM, kami komited untuk menamatkan ketidaksamaan pendidikan di negara kita.

Akhir sekali, dan yang terpenting, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan organisasi dan penyokong kami daripada sektor swasta dan awam, yang membolehkan usaha kami membuat hasil dan impak. Laporan dalam halaman-halaman yang berikut mustahil dapat dijayakan tanpa sokongan berterusan daripada kalian.

Terima kasih.

# Ketidaksamaan Pendidikan di Malaysia



# Ketidaksamaan Pendidikan di Malaysia

Sekadar mempunyai bilik darjah fizikal yang sesuai untuk pembelajaran adalah tidak memadai, tenaga pengajar yang secukupnya juga diperlukan. Inilah antara cabaran di Sabah dan Sarawak, di mana isu kekurangan guru semakin meruncing (Daily Express, 2023). Terdapat bakal guru menolak penempatan ke negeri-negeri tersebut (The Star, 2023) walaupun telah berjaya melalui proses pemilihan yang ketat.

Mungkin fenomena ketidaksamaan pendidikan yang paling membimbangkan di Malaysia dapat diperhatikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Antara 2012-2016, purata kadar kelulusan UPSR murid Orang Asli adalah 43.8%, jauh di bawah purata kebangsaan iaitu 86.5% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Kadar kecinciran dalam kalangan murid sekolah Orang Asli dilaporkan antara 10% hingga hampir 43%, dan punca-punca utama termasuklah masalah kemiskinan, buli dan perkauman serta kekurangan infrastruktur. Faktor lain yang menyumbang kepada isu ini adalah ketidaksamaan akses perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan bagi masyarakat Orang Asli.

Dengan cabaran-cabaran kompleks yang merumitkan situasi ketidaksamaan pendidikan di Malaysia, menangani isu ini mustahil dapat dilaksanakan secara berkesan oleh individu atau organisasi yang bekerja secara silo. Kita memerlukan sebuah kepimpinan kolektif untuk memacu perubahan dalam pelbagai peringkat ekosistem pendidikan negara tercinta.





Kisah ketidaksamaan pendidikan di Malaysia bukan lagi sebuah isu yang jarang didengari. Saban hari, banyak tajuk media dan laporan penyelidikan yang menyedarkan kita akan halangan kepada pendidikan berkualiti yang sering dialami oleh murid daripada golongan rentan.

Pada masa ini, isu yang paling mendesak dalam sistem pendidikan kita adalah keciran pembelajaran atau *learning loss* akibat pandemik COVID-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan anak murid kita antara yang mengalami keciran pembelajaran tertinggi dalam kalangan negara-negara membangun di Asia. Ini bakal mengakibatkan kehilangan pendapatan seumur hidup sebanyak RM767.5 bilion untuk lebih 5 juta orang murid di Malaysia (Bank Dunia, 2021 dan Bank Pembangunan Asia, 2021).

Bagi kanak-kanak daripada komuniti terpinggir yang sudah pun ketinggalan sebelum pandemik melanda, PKP dan penutupan sekolah yang berpanjangan menyukarkan lagi pemulihan kehidupan selepas wabak tersebut. Sebanyak 61% ibu bapa daripada keluarga berpendapatan rendah melaporkan bahawa anak mereka telah hilang minat untuk belajar manakala satu dalam dua orang ibu bapa percaya bahawa kesihatan mental anak mereka terjejas semasa perintah berkurung (UNICEF Malaysia dan UNFPA 2021).



# Visi dan Misi TFM

Visi kami adalah untuk merealisasikan sebuah Malaysia dengan **setiap kanak-kanak** berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti.



## VISI MURID KAMI

Kami ingin membentuk sebuah Malaysia yang memperkasakan setiap murid dalam menentukan pembelajaran mereka sendiri, masa depan mereka, dan negara.

Latar kelahiran kanak-kanak bukan lagi peramal pencapaian mereka. Semua kanak-kanak akan berpeluang untuk merealisasikan potensi mereka dan diperkasakan untuk menjadi pemimpin pembelajaran mereka, masa depan mereka dan masa depan Malaysia.

## VISI PEMBELAJARAN MURID KAMI

Pendidikan berkualiti yang kami hasratkan bererti murid bersetuju bahawa:

- **Saya tahu perkara yang dipelajari dan tahap pembelajaran saya.**
- **Saya tahu perkara yang ingin dipelajari dan tahap kemajuan yang saya perlukan.**
- **Saya tahu cara mendapatkan bantuan dan perkata yang saya boleh lakukan untuk berada di tahap yang diingini.**

Visi, Misi, Visi Murid dan Visi Pembelajaran Murid kami ialah kerangka yang membimbing semua kerja yang kami lakukan. Visi ini mencerminkan aspirasi teguh kami untuk membina sebuah Malaysia yang lebih baik. Kami mahu pendidikan berkualiti boleh diakses oleh semua kanak-kanak, dan pendidikan tersebut dapat memperkasakan anak-anak Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka. Untuk mencapai aspirasi ini, kami menumpukan Misi dan kerja kami untuk melahirkan barisan pemimpin dalam ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia. Kami percaya kepimpinan kolektif diperlukan untuk

menangani cabaran kompleks dalam ekosistem pendidikan dengan berkesan.

Visi Murid dan Visi Pembelajaran Murid kami menyatakan aspirasi kami pada tahap yang lebih terperinci. Visi Murid menjawab soalan "Bagaimana rupanya apabila kita mempunyai pendidikan berkualiti?" manakala Visi Pembelajaran Murid memperincikan pengalaman pembelajaran yang akan membantu kami mencapai Visi Murid.

# **Teori Perubahan Kami**



# Teori Perubahan Kami

Teras dalam Teori Perubahan kami adalah kepercayaan dalam kepimpinan yang berkesan

- iaitu kepimpinan yang membolehkan perubahan sistemik yang mampan berlaku.

## 1 MEREKRUT DAN MEMBANGUNKAN PEMIMPIN DALAM BILIK DARJAH

Kami memilih peserta dengan potensi kepimpinan yang tinggi dan menyediakan latihan kepimpinan dan pedagogi untuk mereka. Ini membolehkan peserta membawa impak dengan lebih pantas dengan meningkatkan hasil pembelajaran murid dan mendapat pengetahuan kontekstual di lapangan. Ini membolehkan mereka melaksanakan inisiatif yang membawa impak jangka panjang pada masa hadapan.



## 2 MENERAPKAN KOMPETENSI KEPIMPINAN UNTUK MEMPERKASAKAN MURID DALAM KOMUNITI BERKEPERLUAN TINGGI

Para peserta menerima latihan kepimpinan dan bimbingan sepanjang penglibatan mereka dalam TFM. Peserta mempraktikkan kompetensi kepimpinan yang dipelajari untuk memperkasakan murid dengan meningkatkan keupayaan, mengangkat suara dan menerapkan nilai murni dalam murid. Peserta juga bekerja dalam komuniti berkeperluan tinggi, yang kebanyakannya adalah daripada keluarga berpendapatan rendah dan mempunyai akses terhad kepada sumber pembelajaran.




## 3 MEMOBRILISASIKA GERAKAN PEMIMPIN UNTUK MENCAPIAI IMPAK YANG DIINGINKAN

Pemimpin yang menyertai program-program kami rata-rata berpegang kepada nilai teras dan keinginan yang sama untuk menamatkan ketidaksamaan pendidikan. Walaupun mereka mula terlibat melalui program dan tunjang yang berbeza, dalam jangka panjang, Alumni TFM, para peserta Komuniti Duta Guru, sukarelawan projek Mobilisasi Komuniti, pemimpin komuniti dan murid berganding bahu di pelbagai peringkat dalam sektor pendidikan awam dan swasta menuju ke arah visi yang sama.




## 4 MENETAPKAN SISTEM PENDIDIKAN PADA LANDASAN TRANSFORMASI

Dengan kolaborasi dan sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan rakan-rakan korporat, gerakan pemimpin kami akan dapat menetapkan sistem pendidikan pada laluan transformasi pendidikan holistik dan pemerksaan pelajar. Gerakan ini terdiri daripada para pemimpin yang berkemampuan dalam kompetensi kepimpinan terkini untuk mengatasi cabaran kompleks sistem pendidikan.





# Teori Kepimpinan TFM



**"Siapakah pemimpin yang kita perlukan untuk mencipta sebuah perubahan sistemik dalam pendidikan di Malaysia?"**

Teori Perubahan TFM meletakkan kepimpinan kolektif sebagai teras kepada perubahan yang sistemik dan berdaya tahan dalam sistem pendidikan kita. Persoalan seterusnya yang akan timbul adalah: "Siapakah pemimpin-pemimpin yang kita perlukan untuk mencipta perubahan sistemik ini?"

Teori Kepimpinan kami, atau ToL (*Theory of Leadership*), ialah usaha kami untuk menjawab soalan ini, berdasarkan bukti empirikal dan input daripada pihak berkepentingan. Kerangka ini terdiri daripada tiga domain: Pimpin Diri, Pimpin Orang Lain dan Pimpin Perubahan. Setiap domain mempunyai Kompetensi Teras yang paling relevan untuk domain tersebut. Kami percaya bahawa seorang pemimpin yang mengamalkan Kompetensi Teras ini mampu membawa impak yang bermakna dalam ekosistem pendidikan.

Gerakan pemimpin-pemimpin TFM menggunakan kerangka ini di pelbagai peringkat dengan pendekatan yang berbeza. Kami memperkenalkan kepada Felo TFM kerangka ini semasa latihan pra-perkhidmatan agar mereka dapat membawa impak di dalam bilik darjah. Program kepimpinan murid kami pula mengajar Kompetensi Teras tertentu kepada murid-murid. Kompetensi Teras yang sama dapat dilihat dalam kerangka prestasi dan pengurusan kakitangan TFM.

**Kepimpinan di semua peringkat ekosistem**

Kerangka Teori Kepimpinan TFM memastikan bahawa Alumni TFM bersedia untuk menjadi barisan pemimpin yang efektif. Tidak kurang pentingnya adalah untuk memastikan bahawa Alumni TFM berpeluang untuk terus membudayakan kompetensi kepimpinan ini di peringkat ekosistem pendidikan yang berbeza. Kami memerlukan pemimpin di dalam bilik darjah, di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Kami juga memerlukan pemimpin yang menjadi penggerak dalam organisasi pendidikan bukan untuk keuntungan dan perusahaan sosial, pemimpin dalam penyelidikan dan inovasi, dan pemimpin yang bakal mengetengahkan dasar-dasar yang mendukung pembelajaran terbaik. Haluan Alumni kami telah dibangunkan secara strategik untuk membolehkan pelaksanaan hasrat ini.

**11**  
NEGERI

**10**  
KOHORT

**267**  
SEKOLAH

**474**  
FELO & ALUMNI TFM

**330,285**  
MURID

<b>2012</b>		<b>44</b> Felo TFM
<b>2013</b>		<b>46</b> Felo TFM
<b>2014</b>		<b>63</b> Felo TFM
<b>2015</b>		<b>67</b> Felo TFM
<b>2016</b>		<b>30</b> Felo TFM
<b>2017</b>		<b>48</b> Felo TFM
<b>2018</b>		<b>55</b> Felo TFM
<b>2019</b>		<b>59</b> Felo TFM
<b>2020</b>		<b>35</b> Felo TFM <b>116</b> Peserta PDG
<b>2021</b>		<b>137</b> Peserta PDG
<b>2022</b>		<b>26</b> Felo TFM <b>270</b> Peserta PDG

**TOTAL**

 **474** &  **523**  
FELLO TFM PESERTA PDG



# Nilai Teras Kami

Diasaskan pada tahun 2010, Teach For Malaysia berbangga menjadi anggota Jaringan Pendidikan Global Teach For All (*Global Education Network Teach For All*)

TFM ialah sebuah kolektif organisasi pendidikan di lebih daripada 61 buah negara di seluruh dunia. Kami merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berasaskan keuntungan, serta berkolaborasi dengan sektor awam dan swasta untuk mencipta transformasi pendidikan dalam jangka pendek dan panjang. Misi kami adalah untuk menangani ketidaksamaan pendidikan melalui transformasi sumber manusia dalam negara untuk melahirkan para pendidik dan pemimpin yang efektif dan berinspirasi dengan berkhidmat dalam bilik darjah dan sekolah yang paling mencabar di Malaysia.

Selepas dua tahun mengikuti Program TFM dan Program Duta Guru, Alumni kedua-dua inisiatif ini akan dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan gaya pemikiran yang diperlukan untuk berjaya sebagai pemimpin di dalam dan di luar sektor pendidikan, untuk menjana perubahan penting yang diperlukan demi memastikan peluang pendidikan yang terbaik buat setiap anak Malaysia.





## SIKAP PASTI BOLEH

Kami menetapkan sasaran yang tinggi untuk membayangkan semula sebuah ekosistem pendidikan yang berbeza dan sebuah dunia yang mampu memenuhi keperluan semua. Sebagai sebuah gerakan, kami memperkasakan murid-murid dan komuniti kami untuk menerajui penyelesaian terbaik.

## KECEMERLANGAN

Kami percaya apabila seseorang itu menyenangi kerja yang dilakukan, dan mempercayai potensi hasil kerjanya, mereka akan membuat yang terbaik dalam kerjaya dan kehidupannya. Kami menetapkan standard kecemerlangan yang tinggi dalam setiap aspek pekerjaan dan kehidupan untuk mencapai impak yang dikehendaki dan memastikan kelangsungan jangka panjang TFM.



## KOLABORASI

Kami percaya bahawa setiap individu mempunyai peranan tersendiri dalam memastikan setiap anak Malaysia mencapai potensi diri dan dapat memimpin diri sendiri dan orang lain. Kami berkolaborasi dengan murid-murid, komuniti, dan rakan-rakan kongsi daripada semua sektor sebagai sebuah gerakan pemimpin kolektif yang saling bekerjasama.

## INTEGRITI

Kami percaya bahawa ketelusan, rasa belas, saling menghormati dan sikap amanah adalah penting untuk mentransformasikan perubahan. Kami bukan sahaja memberi kepentingan pada sasaran yang ingin dicapai, malah juga pendekatan yang diambil untuk mencapainya.



# Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Ahli Lembaga Pemegang Amanah kami merupakan pakar dalam bidang masing-masing, dan didorong oleh semangat dan kepercayaan teguh dalam misi Teach For Malaysia. Mereka membimbing Pasukan Kepimpinan Kanan kami dalam membuat keputusan strategik serta memastikan organisasi kami kekal komited terhadap misi dan nilai teras kami.



## **YAM TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ**

PENGERUSI & PENGASAS LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

- Pengerusi, ASTRO, Bumi Armada Berhad dan Taliworks Corporation Berhad
- Pengarah, Bangkok Bank Berhad
- Penasihat Kanan, TPG Capital
- Rakan Kongsi, Vynn Capital
- Pengerusi, Yayasan Munaroh & Cancer Research Malaysia
- Presiden, WWF Malaysia
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Amanah Warisan Negara & Yayasan Pendidikan Tsinghua Malaysia
- Pro-Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia
- Pengerusi Lembaga Gabenor, Kolej Marlborough Malaysia



## **SHAHNAZ AL-SADAT MOHSEIN**

PENGASAS LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, AHLI JAWATANKUASA AUDIT & RISIKO

- Pengerusi, LeapEd Services
- Ahli Lembaga Gabenor, Kolej Yayasan UEM
- Mantan Pengasas, arise Asia
- Mantan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Eksekutif, Yayasan AMIR
- Mantan Ahli Lembaga, MINDA
- Mantan Pengarah Pengurusan Strategik Sumber Manusia & Ketua Pegawai Kewangan, Khazanah Nasional



## **CHEN LI-KAI**

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, AHLI JAWATANKUASA IMBUHAN & PENCALONAN

- Rakan Kongsi Kanan & Rakan Pengurusan, McKinsey & Company Malaysia
- Mantan Ketua Global Amalan Pendidikan, McKinsey & Company



## **DATUK YVONNE CHIA**

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, AHLI JAWATANKUASA AUDIT & RISIKO

- Felo Bank Bertauliah
- Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas, Standard Chartered Bank Malaysia,
- Cradle Fund Sdn Bhd & Press Metal Aluminium Holdings Berhad
- Pemegang Amanah, Yayasan Amanah Merdeka
- Pengarah Kanan Bebas, Astro Malaysia Holdings Berhad & Silverlake Axis Ltd

## MANTAN AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH KAMI



### DATO' THARUMA RAJAH

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, AHLI JAWATANKUASA IMBUHAN & PENCALONAN

- Ketua Pegawai Eksekutif, Garage Analytics
- Mantan Pengarah Urusan, Hay Group



### DATUK DR HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

- Mantan Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pengarah, Sekretariat Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)
- Ahli Lembaga, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Penasihat Kanan, Edvolution Enterprise



### TAN SRI DR JEMILAH MAHMOOD

MANTAN PENGURUSI

- Pengasas, MERCY Malaysia
- Mantan Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia, Muhyiddin Yassin
- Pro-Cancellor, Universiti Heriot-Watt Malaysia
- Profesor dan Pengarah Eksekutif, Pusat Kesihatan Planet Sunway
- Felo Kanan, Pusat Ketahanan Yayasan Adrienne-Arsh-Rockefeller



### DATO' NOOR REZAN BAOO HASHIM

MANTAN AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

- Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mantan Penasihat Pendidikan, Khazanah Nasional Berhad



# 2022 Sekilas Perjalanan TFM

2022 ialah titik penting dalam sejarah Teach For Malaysia sempena sambutan ulang tahun ke-10 kami. Meskipun mengharungi cabaran pandemik COVID-19, kami teruskan perjuangan untuk memastikan tiada kanak-kanak ketinggalan dalam pendidikan. Berikut antara kejayaan manis pada tahun 2022:



**Kami melancarkan Program TFM Sebagai Rakan Guru (Teaching Partner Pathway, TPP) dan menempatkan Felo kohort ke-10 kami buat kali pertama di komuniti Orang Asli dan sekolah rendah.**

Laluan baharu ini membolehkan individu daripada pelbagai latar untuk menyertai gerakan kami, sekaligus menyokong para guru sekolah rendah kebangsaan sebagai Rakan Guru untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran bagi murid-murid berkeperluan tinggi daripada komuniti Orang Asli.

Laluan ini merupakan pencapaian penting ke arah usaha peringkat akar umbi yang inklusif dan berpusatkan komuniti bagi memacu perubahan pendidikan yang mampan.



**Program Duta Guru (PDG) beralih daripada sesi maya sepenuhnya kepada penglibatan secara bersemuka pada 2022.**

Ini secara positif meningkatkan kesedaran dan penerimaan program daripada peserta dan pelbagai pihak berkepentingan.

Peserta dari seluruh negara berkumpul untuk menyertai Simposium Kebangsaan PDG dan majlis pengiktirafan Duta Guru untuk dua kohort pertama.

PDG juga mengalu-alukan seramai 253 Duta Guru (Alumni program), yang bersedia memupuk kemahiran berfikir aras tinggi dan minat dalam pendidikan STEM di Malaysia.



**Memperkuuh mobilisasi komuniti dengan kepimpinan murid dan inisiatif komuniti di seluruh negara.**

Kami menganjurkan siri bengkel dan pertandingan literasi dan kewarganegaraan digital We Think Digital terbesar pada tahun 2022 dengan lebih daripada 2,000 orang murid mengambil bahagian.

Kami juga memulakan inisiatif komuniti baharu untuk memenuhi keperluan pendidikan berikutan penularan wabak COVID-19. Ini termasuk Program Komuniti Perkasa untuk murid-murid daripada Program Perumahan Rakyat (PPR) serta bekerjasama dengan Sekolah Enuma Malaysia untuk menyediakan modul e-Pembelajaran bagi 643 murid di lapan sekolah di Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur.



# SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-10

Pada 24 September 2022, kami meraikan Ulang Tahun ke-10 kami dengan kehadiran lebih daripada 450 pemimpin termasuk:

## YAM Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz

PENGURUSI & PENGASAS LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TFM

## YB Datuk Dr Mohd Radzi bin Md Jidin

MANTAN MENTERI KANAN PENDIDIKAN

## Wendy Kopp

CEO & PENGASAS BERSAMA TEACH FOR ALL

Pemegang-pemegang Amanah yang kami hargai, barisan kepimpinan KPM yang disegani, Alumni TFM, Felo TFM semasa, murid dan wakil sekolah, komuniti setempat serta rakan kongsi korporat.

Kami juga menayangkan siri video khas, "#TerimaKasihCikgu." Siri video ini menampilkan pertemuan semula yang menyentuh hati antara Alumni dan murid mereka, serta antara kakitangan PDG dan Duta Guru.

Video Ulang Tahun Ke-10



Video #TerimaKasihCikgu



## Teach For Malaysia memenangi Anugerah Merdeka bagi Kategori Pendidikan & Komuniti.

Anugerah Merdeka telah ditubuhkan pada tahun 2007 oleh PETRONAS, ExxonMobil dan Shell untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu dan organisasi cemerlang. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan negara tetapi juga turut mengilhamkan pencapaian dalam diri rakyat Malaysia.

Penerimaan penghargaan yang berprestij ini semasa ulang tahun ke-10 kami ibarat menandakan sebuah pengiktirafan terhadap usaha kami sepanjang sedekad yang lalu dalam merapatkan jurang pendidikan untuk kanak-kanak di seluruh negara.



# Tiga Tunjang Kami

Teach For Malaysia meraikan ulang tahun yang ke-10 pada 2022. Kami memperingati titik penting itu bukan sahaja dengan sambutan yang meriah bersama Alumni dan penyokong kami, tetapi juga dengan memperbaharui komitmen kami untuk membina sebuah gerakan pemimpin dalam ekosistem pendidikan melalui pelancaran Pelan Aspirasi 2030 kami.

Dibangunkan semasa pandemik COVID-19, adalah wajar bahawa strategi itu mencerminkan keperluan organisasi untuk mengutamakan daya tahan dan ketangkasian dalam mendepani cabaran dalam dekad kedua perjuangan kami. Walaupun sebelum ini kami menumpukan untuk membangunkan pemimpin baharu melalui Program TFM, kini kami telah mengembangkan skop kerja untuk turut memperkasakan barisan guru dan pemimpin sedia ada dalam sektor pendidikan awam.

Berpegang teguh pada misi kami untuk membina sebuah gerakan pemimpin, kami komited dalam melabur untuk memobilisasikan pemimpin dari pelbagai latar belakang untuk gerakan yang inklusif, merentas semua lapisan ekosistem pendidikan demi meningkatkan impak secara kolektif.

Kerangka tersebut menggariskan tiga tunjang yang merupakan bidang keutamaan kami dan matlamat strategik yang akan mendorong kejayaan setiap aspek.

## MATLAMAT STRATEGIK

## BIDANG KEUTAMAAN

### Murid

Untuk menjadikan Visi Murid kami sebuah realiti buat semua anak Malaysia

- Murid kami mencapai **perkembangan akademik** yang membolehkan mereka untuk mengejar impian dalam haluan yang dipilih.
- Murid kami mengembangkan kompetensi **kepimpinan** yang diperlukan untuk menerajui penyelesaian isu dalam komuniti mereka.
- Murid kami memperoleh akses kepada **peluang** yang membantu mereka meneroka dunia dan minat mereka.

### Sistem

Untuk menjadi rakan kongsi yang dipercayai untuk mengupayakan transformasi ekosistem pendidikan awam

- **Jenama** kami dikenali ramai dalam kalangan pemegang taruh dan impak kami menginspirasikan mereka untuk bertindak ke arah perubahan.
- Kami terlibat secara **aktif dalam debat perihal pendidikan** kebangsaan melalui kajian dan advokasi berkualiti tinggi.
- Kami diiktiraf sebagai **rakan kongsi** yang dipercayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pemain industri lain dalam ekosistem pendidikan.

### Skala

Untuk membina gerakan pemimpin untuk mengatasi ketidaksamaan pendidikan

- Kami **merekut dan memilih** sejumlah besar pemimpin yang berpotensi tinggi untuk membawa impak kepada komuniti sosioekonomi rendah.
- Kami mengukuhkan cara **pembangunan pemimpin** dilaksanakan demi menghasilkan pendidikan yang berkualiti dan saksama melalui kerangka pembangunan kepimpinan kami yang terkini.
- Kami **memobilisasikan dan mempelbagaikan** usaha berterusan dalam gerakan pemimpin kami untuk mengatasi ketidaksamaan pendidikan untuk jangka panjang.

### Mampan

Untuk membangunkan sebuah organisasi yang mampan, terlibat secara aktif, dan berpegang kepada nilai kami

- Kami merupakan **tempat kerja yang terbaik** untuk pasukan kami.
- Kami mempunyai **kewangan yang mampan** serta mekanisme pembiayaan yang pelbagai.
- Kami berpegang kepada **kecemerlangan tadbir urus dan operasi**, memanfaatkan teknologi dan nilai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environment, Social and Governance, ESG*) kami.

# VISI

Suatu hari nanti, setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti.

## MISI KAMI

Demi melahirkan barisan pemimpin ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia untuk mencapai potensi mereka.

## ASPIRASI 2030

Untuk melahirkan seramai 30,000 pemimpin dalam sektor pendidikan

### TUNJANG 1

**MEMBINA  
2,200**

**SALURAN  
KEPIMPINAN  
BAHARU**

dalam sistem pendidikan

Membangunkan pemimpin masa depan yang dapat memberikan pendidikan berkualiti kepada pelajar dalam kalangan komuniti yang berkeperluan tinggi.

### TUNJANG 2

**MEMPERKEMBANG  
9,500**

**KEPIMPINAN  
SEDIA ADA**

dalam sistem pendidikan

Mempercepatkan pembangunan generasi pemimpin dalam Kementerian Pendidikan melalui program-program pembangunan kepimpinan yang pelbagai.

### TUNJANG 3

**MEMOBLISASI  
18,300**

**KOMUNITI  
KEPIMPINAN**

dalam ekosistem pendidikan yang lebih luas

Memperkembangkan dan melibatkan pembentukan pemimpin yang inklusif dalam semua lapisan ekosistem pendidikan untuk menghasilkan impak secara kolektif.

# Tunjang Satu

KEPIMPINAN BAHARU



# Tunjang Satu

## MEMBINA PEMIMPIN BAHARU DALAM SISTEM PENDIDIKAN

Tunjang pertama kami dipacu oleh program utama kami, Program Teach For Malaysia. Program ini menyalurkan bakal pemimpin sistem pendidikan dengan merekrut dan membina pemimpin muda untuk berkhidmat dalam komuniti berkeperluan tinggi. Setelah tamat program, Alumni TFM berkhidmat dan mengaplikasikan kompetensi kepimpinan mereka sebagai pemimpin dalam pelbagai lapisan ekosistem pendidikan.



**474**  
Felo TFM



**266**  
Sekolah Penempatan  
Felo dan/atau Alumni

91% rakan sekolah Program TFM adalah sekolah berkeperluan tinggi, dan kini kami juga berkhidmat dalam komuniti Orang Asli



**977**  
Pemimpin Murid  
yang mengetuai 166 inisiatif yang telah membawa manfaat kepada 34,676 penerima



**138,150**  
Murid yang telah dididik oleh Felo TFM  
(tidak termasuk murid yang diajar oleh Alumni Mengajar)

## PROGRAM TFM SEBAGAI RAKAN GURU

Pada tahun 2022, kami bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melancarkan Program TFM Sebagai Rakan Guru (*Teaching Partner Pathway, TPP*). Dibangunkan bagi menyahut keperluan pemulihan pendidikan pasca-pandemik dalam komuniti berkeperluan tinggi, TPP menggandingkan Felo TFM dengan Guru Hos, iaitu guru yang berpengalaman di sekolah penempatan mereka. Sebagai Rakan Guru, Felo TFM terlibat dalam perancangan, penyampaian dan penilaian pelajaran, termasuk menyokong pemulihan dalam kelas. Felo juga menjalankan program selepas sekolah dan inisiatif penglibatan komuniti untuk menangani keperluan pendidikan seluruh sekolah dan komuniti.

TPP menandakan permulaan pengembangan Program TFM. Perubahan dasar dan penstrukturkan semula keutamaan penempatan guru telah menyebabkan gangguan kepada ketersediaan laluan asal Felo TFM sebagai guru sepenuh masa. Kami kemudiannya meneroka TPP sebagai alternatif yang dapat membuka peluang kepada Felo TFM untuk

berkhidmat di dalam bilik darjah. Pada masa yang sama, Felo TFM juga mendapat manfaat daripada interaksi yang berharga dengan Guru Hos mereka, sekaligus meningkatkan kemahiran pedagogi melalui amalan sehari-hari.

Kami juga teruja dengan potensi model TPP dalam menyumbang kepada kelestarian hasil pembelajaran yang lebih baik di sekolah penempatan. Contohnya apabila Guru Hos meneruskan amalan pengajaran, program dan inisiatif baharu yang telah dimulakan dengan kerjasama Felo TFM masing-masing.

Kohort pertama dalam model TPP terdiri daripada 27 orang Felo TFM.

## SEKOLAH MAJORITI ORANG ASLI



Selain daripada menjadi kohort pertama Felo TFM dalam TPP, majoriti Felo Kohort 2022 juga merupakan kohort pertama yang berpeluang berkhidmat dalam komuniti Orang Asli di Kuala Kangsar dan Gerik.

6 daripada 8 buah sekolah rakan TFM ialah sekolah yang terdiri daripada majoriti murid Orang Asli. Murid-murid kebanyakannya berasal daripada suku Temiar. Nilai budaya suku ini dipengaruhi oleh rasa hormat mereka terhadap alam semula jadi (Ramli, 2018) dan kepercayaan nenek moyang (Khairuddin & Hanafiah 2021). Dalam konteks baharu ini, kami telah membuat penambahbaikan dalam pembangunan program untuk menarik minat murid Orang Asli dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, Felo TFM digalakkan untuk mempelajari Bahasa Temiar supaya kekayaan bahasa ibunda murid dapat diiktiraf dan digunakan untuk pembelajaran bahasa lain.


Dua sekolah yang terlibat adalah sebahagian daripada program Sekolah Model Khas Komprehensif untuk Tahun 9 (K9). Dibangunkan untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar, sekolah K9 memperuntukkan murid supaya dapat melengkapkan sembilan tahun persekolahan - Tahun 1 hingga Tingkatan 3 - dalam sekolah yang sama. Kedua-dua sekolah ini turut menjalankan program Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP), yang dilaksanakan untuk meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan orang dewasa masyarakat Asli dan Penan.






# Impak Program TFM Sebagai Rakan Guru

Selaku Rakan Guru, Felo telah menunjukkan kemampuan menarik minat murid dalam pembelajaran.



Murid menyatakan bahawa Felo TFM dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang menarik di dalam bilik darjah.



Felo dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang menarik dan mencapai skor 60% ke atas dalam kajian *Captivate*\*.

(Skor purata untuk kajian *Captivate* bagi Kohort 2022 ialah 69%, iaitu sama dengan skor bagi Tahun 1: 2014-2020)

## KOMEN MURID:

Kerja sekolah adalah menarik

Saya suka cara kami belajar dalam kelas ini

Kelas ini menarik


Kelas cikgu seronok

Saya suka perkara yang saya belajar dalam kelas ini

\* Tripod Captivate Survey, dibangunkan oleh Universiti Harvard, ialah sebuah alat pentaksiran murid yang digunakan secara universal untuk mengukur tahap keberkesanan pengajaran.


Felo TFM telah menyumbang kepada kesejahteraan sekolah dan komuniti mereka.

### KOMEN GURU HOS




Guru Hos bersetuju bahawa Felo TFM telah menyumbang kepada kesejahteraan murid, sekolah dan komuniti mereka

"Mereka menarik minat murid untuk hadir ke sekolah."



Guru Hos mendapati pengajaran bersama (*co-teaching*) bermanfaat kerana ini membolehkan pembelajaran terbeza yang efisien serta meningkatkan minat murid dalam pembelajaran

"Pengajaran secara berpasangan menjadikan sesi pembelajaran lebih efektif. Sesi pengajaran lebih berfokus dan Cik Bernice menjalankan sesi individu (*one-to-one*) bagi membantu murid untuk lebih faham dan dapat mengikuti sesi pembelajaran."



Guru Hos mengalu-alukan Felo ke kelas / sekolah mereka pada masa depan

"Felo TFM sangat membantu semasa PdPc dari segi pengurusan murid, menyediakan aktiviti pembelajaran, membantu murid menyelesaikan soalan dan menarik minat murid dalam kelas."

### GURU HOS MENGENAL PASTI CARA-CARA FELO TFM TELAH MENYUMBANG KEPADA KESEJAHTERAAN SEKOLAH DAN KOMUNITI

#### 1 Meningkatkan motivasi dan minat murid untuk belajar

"Felo TFM berjaya menyediakan beberapa aktiviti yang menarik untuk menarik minat murid dalam mata pelajaran Sejarah seperti aktiviti Plickers, pembentangan, dan kuiz spontan."

#### 2 Menyokong inisiatif bersama komuniti Orang Asli

"Felo TFM ini menyertai program *Outreach* untuk mengenal pasti murid-murid tercincir dan berjaya memujuk mereka datang ke sekolah."

#### 3 Membimbing murid dalam aktiviti ko-kurikulum

"Felo TFM ini menyumbang kepada sekolah dengan melatih murid-murid dalam Tarian Sewang dan telah memenangi tempat ke-3 di peringkat daerah. Mereka berjaya mengasah bakat murid-murid di sekolah ini."

#### 4 Menjalin hubungan erat dengan murid

"Felo berjaya mendekati murid-murid yang tercincir dan tidak suka datang ke sekolah."

Felo memperkasakan akses peluang pendidikan yang lebih luas kepada murid daripada komuniti Orang Asli



### BICARA BERIRAMA SMK BAWONG

Pasukan bicara berirama atau *choral speaking* ini membuat persembahan di majlis sambutan Ulang Tahun Ke-10 Teach For Malaysia yang turut dihadiri oleh Menteri Pendidikan.

### INISIATIF RUGBY SHOE-BOX SK RPS DALA

Sebuah inisiatif pengumpulan dana untuk membeli kasut ragbi bagi sepasukan 12 murid Orang Asli. Murid-murid telah menyertai kejohanan ragbi sentuh peringkat negeri Perak (kategori Shield). Kasut-kasut tersebut juga digunakan oleh pasukan bola tangan yang muncul sebagai juara Zon Utara.




### PROGRAM ZIARAH CAKNA 1.0 SK POS LEGAP

Kunjungan ke perkampungan Orang Asli untuk membina kepercayaan dengan para ibu bapa dan komuniti setempat. Felo TFM dapat memahami budaya dan tradisi Orang Asli dengan lebih mendalam.

# Shawn Stanly

Felo TFM 2022



Saya tidak pernah membayangkan diri saya ditempatkan di kawasan pedalaman, yang jauhnya sejam dari bandar terdekat, untuk mendidik anak murid daripada komuniti yang boleh dikira antara yang paling terpinggir dalam negara kita.

- Makes sure students help each other with their work
- Helps students with their work
- Learning Monitor
- Makes sure the students are clean
- Serve school food
- Fill water in jugs
- Makes sure everyone takes home their bottles and food containers
- Bell Monitor ①
  - ring the bell when it is time to change lessons.

Setelah tujuh bulan berkhidmat untuk menangani isu buta huruf dan keciran yang tinggi saya sedar bahawa ketidaksamaan pendidikan itu masih meluas, terutamanya dalam komuniti terpinggir.

Ketika saya mula berkhidmat, terdapat banyak persepsi dan stigma yang mengatakan bahawa anak-anak Orang Asli adalah kurang cekap. Namun, beberapa bulan ini, saya mendapat banyak peluang untuk membuktikan bahawa mitos ini adalah salah dan meraikan perkembangan anak murid saya. Saya amat berbangga melihat mereka kini lebih berusaha untuk mencuba, gagal, belajar, bangkit, dan cuba lagi.

Setiap kanak-kanak, sama ada Orang Asli atau bukan, wajar mempunyai seorang pendukung atau *champion* yang benar-benar percaya akan potensi mereka. Bagi seorang pendidik, profesion ini tidak seharusnya diambil ringan.

Kerjaya ini memerlukan segenap jiwa kita untuk *Do More Than Dream* supaya anak-anak kita dapat mencapai potensi terhebat dalam diri mereka.

Saya telah belajar begitu banyak sejak tujuh bulan lalu tentang masyarakat Orang Asli terutamanya di tempat saya berkhidmat.

Pengalaman ini telah membantu saya untuk tidak mudah memberikan tanggapan, mengajak saya melihat cabaran yang dihadapi oleh komuniti ini daripada lensa yang berbeza, dan membuka peluang kepada saya dan rakan sekerja untuk membantu mereka dalam kapasiti kami sebagai Felo TFM.

# Tunjang Dua

MEMPERCEPAT PERKEMBANGAN  
KEPIMPINAN SEDIA ADA



# Tunjang Dua

## MEMPERKEMBANG KEPIMPINAN SEDIA ADA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Usaha kami dalam tunjang ini memperkasakan pemimpin yang sedang membawa impak dalam sistem. Program yang kami jalankan kini menyokong guru dalam perkhidmatan serta pegawai pendidikan daerah, selaras dengan hasrat kami untuk berperanan sebagai sebuah rakan organisasi yang dipercayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan adanya peluang bekerjasama secara langsung dengan guru dalam perkhidmatan, ini bermakna kami dapat mengembangkan usaha pemuliharaan pembelajaran pascapandemik ke seluruh negara.



### PROGRAM DUTA GURU

Program Duta Guru (PDG) merekrut dan membangunkan guru STEM dalam perkhidmatan. Sama seperti Program Felo TFM, peserta PDG juga membangunkan kompetensi kepimpinan yang dapat mengupayakan transformasi mampan ke seluruh sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran STEM. Melalui Pusat STEM Negara, dengan kolaborasi antara Yayasan PETRONAS dan Kementerian Pendidikan Malaysia, PDG dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun serta melibatkan pelbagai industri.

Program ini mengukuhkan keupayaan guru STEM yang berkhidmat di sekolah dengan majoriti murid B40. PDG bertujuan untuk memperkasakan sistem sedia ada agar keupayaan guru sekolah awam Malaysia dapat dikembangkan. Hasrat kami adalah agar guru dapat meningkatkan minat dan kecekapan murid dalam mata pelajaran STEM dan kemahiran berfikir aras tinggi, terutamanya untuk murid daripada keluarga yang memerlukan.

### PERSATUAN DUTA GURU

Pada bulan Disember 2022, 9 Duta Guru daripada Kohort 1 dari kesemua 6 zon telah menganggotai barisan kepimpinan sebagai Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Duta Guru, berdasarkan pencalonan oleh para Duta Guru.

Komuniti pendidik ini terdiri daripada 253 Duta Guru, yang mana 99% daripada mereka berminat untuk menyumbang dalam sekurang-kurangnya satu daripada 4 bidang impak Duta Guru.

**313**

Guru Kohort 3

**617**

Peserta keseluruhan

**224**pegawai pendidikan daerah  
berkhidmat sebagai Pembimbing PDG  
(PPDG) untuk Kohort 1 hingga 3**144**daerah di 13 negeri & tiga  
Wilayah Persekutuan**185,100**

murid mendapat manfaat

**82%**peserta daripada kesemua tiga kohort  
percaya bahawa Pembimbing PDG  
(PPDG) telah menyokong  
perkembangan mereka**94%**PPDG berasa bangga akan peranan  
mereka dalam membimbing komuniti  
PDG**+85**

Net Promoter Score

Majlis Anugerah Guru Duta Kohort 1 pada Jun 2022 telah dirasmikan oleh mantan Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Dr Radzi Jidin dengan dihadiri oleh Pengerusi Teach For Malaysia. YAM Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Mukhriz, YBrs Dr Ahmad Rafee bin Che Kassim, Timbalan Ketua Pengarah KPM dan YBhg Datuk Dr Mistirine Radin, Pengarah Bahagian Profesionalisme Guru, KPM.



Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBhg Dato Haji Pkharuddin bin Hj Ghazali merasmikan Simposium Kebangsaan PDG 2022.



▲ YBrs Dr Ahmad Rafee bin Che Kassim, Timbalan Ketua Pengarah KPM telah merasmikan Majlis Pengiktirafan Duta Guru Kohort 2 pada November 2022.

## KOMEN PESERTA PDG

### **Juliana Baharuddin**

Kohort 1, Kelantan

Saya amat mengesyorkan agar guru-guru menyertai PDG kerana dalam program ini, kami mendapat latihan yang berterusan, dan struktur pembangunan profesionalisme yang dijalankan adalah sangat terancang, dan sememangnya memberikan banyak manfaat kepada guru itu sendiri serta dapat diimplementasikan di sekolah, pelajar, dan komuniti di sekeliling kita.

### **Ramesh Kumar Muniandy**

Cohort 3, Sabah

“...PDG mengajar saya untuk mengetahui kekuatan murid, melibatkan murid secara aktif dan langsung, menjadikan pembelajaran seronok...”

Lima perkara yang saya belajar sepanjang menyertai PDG dapat dirumuskan dengan akronim KASUT. K untuk kekuatan, iaitu kita hendaklah mengetahui kekuatan murid; A adalah melibatkan murid secara langsung dan aktif; S adalah menjadikan kelas seronok; U pula adalah mengukur peningkatan murid secara lisan atau pemerhatian; dan T iaitu guru hendaklah sentiasa tenang dan tabah.

Kesemua ini saya belajar melalui kolaborasi bersama peserta lain dan pengajaran fasilitator juga.

### **Yusri bin Tokis**

Pengetua SMK Bako  
Kuching, Sarawak

3 perkara yang dapat saya gariskan mengenai Duta Guru saya Cikgu Norazurah adalah berkenaan kepimpinannya, kemahiran berfikir, dan aplikasi KBAT. Dalam kepimpinannya di dalam kelas, beliau dapat mengintegrasikan STEM bukan sahaja dalam mata pelajaran Sains, tetapi juga subjek lain. Pendekatan beliau juga telah melahirkan pelajar yang analitikal. Saya juga melihat watak yang ditampilkan oleh Cikgu Norazurah secara tidak langsung menunjukkan pembelajaran profesional. Maksudnya, beliau bukan sahaja berkolaborasi dengan mata pelajaran lain, tetapi juga menunjukkan sikap ambil peduli dan mengajak guru-guru lain untuk turut serta.

Dalam pengajaran KBAT, selepas pimpinan Cikgu Norazurah, saya dapat lihat bagaimana murid dapat membuktikan dan mengaplikasikan perkara yang mereka pelajari dalam kehidupan.

Saya juga tertarik untuk menyebut tentang pembangunan profesionalisme. Perkara sebegini amat penting kepada guru meskipun sudah menjadi graduan atau tamat program kerana mereka sentiasa memerlukan penaalukan untuk mereka membantu dan membimbing pelajar.

## KURSUS INDUKSI GURU BAHARU 2022

Kami terus bertindak proaktif dalam membina kolaborasi baharu dan bermakna dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui jalinan dengan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada Julai 2022, Teach For Malaysia telah dilantik sebagai rakan pelaksana Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk Kursus Induksi Guru Baharu 2022.



### 2,366

guru yang baru dilantik berjaya dilatih

### 18

fasilitator daripada bidang pendidikan

### 16

jam pembelajaran segerak secara dalam talian

### 96%

peserta berpuas hati

### +90

Net Promoter Score

"Kandungan Kursus Induksi ini relevan sebagai persediaan bagi guru baru untuk memasuki dunia perguruan dan menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah."

- Arrafatul Husna Binti Ramli

"Kursus Induksi ini satu program yang sangat membantu bakal guru baru khususnya untuk meningkatkan motivasi dan mengenal pasti tujuan sebenar kenapa kami memilih untuk menjadi guru."

- Noor Nadirah Binti Abd Karim

## PROGRAM GURU TRANSFORMASI

Sebuah lagi kerjasama dengan Institut Perguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) telah membawa kepada bermulanya inisiatif Guru Transformasi. Dengan sokongan Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Layar di Betong, Sarawak, kami membangunkan Fasa 1 program ini. Kami berjaya melatih 21 orang guru dalam perkhidmatan di Layar dengan pengetahuan, kemahiran dan penetapan minda untuk menjadi fasilitator yang berkesan dalam pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning, PBL*).

Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan kandungan pedagogi guru dalam proses Sains, membekalkan guru dengan kemahiran untuk memudahkan pembelajaran berasaskan projek, dan menyokong guru dalam meneroka kepercayaan mereka tentang kebolehan diri dan pelajar mereka.



**95%**

peserta bersetuju bahawa mereka telah mencapai semua objektif yang berkaitan dengan pemahaman kurikulum, menetapkan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan, menilai hasil murid dan merancang rancangan pengajaran.

**+86**

Net Promoter Score

"Isi kandungan setiap sesi memang berkait rapat dengan isi PdP di sekolah."

"Menjelaskan dan membuka minda kita terhadap PBL sebenar dan bagaimana hendak membawanya ke dalam kelas."

# Tunjang Tiga

MEMOBRILISASIKAN KOMUNITI



# Tunjang Tiga

## MEMOBRILISASIKAN PEMIMPIN UNTUK MEMACU PERUBAHAN SISTEMIK

Dalam perjalanan pemulihan pembelajaran pascapandemik, kami sedar akan keperluan mendesak untuk mewujudkan sebuah platform kepimpinan kolektif dengan segera. Tunjang ketiga kami - Mobilisasi Komuniti - bertujuan merealisasikan hasrat ini dengan merekrut, melatih dan menempatkan pemimpin di semua lapisan ekosistem pendidikan. Ini termasuk ahli komuniti, pemimpin, sukarelawan, ibu bapa, murid dan Alumni, yang membolehkan gerakan pemimpin TFM menjadi lebih inklusif, pelbagai dan mencapai impak secara meluas.



## MEMOBRILISASIKAN PEMIMPIN MURID

Kem Kepimpinan Murid (SLC) ialah sebuah kerjasama antara Teach For Malaysia dan Accenture Malaysia bertujuan untuk membangunkan kompetensi kepimpinan dan memupuk pemikiran reka bentuk (*design thinking*) dalam kalangan murid. Genap tahun ke-10 SLC berlangsung, program ini berjaya melatih 778 orang Pemimpin Murid dari 3 zon di Malaysia yang telah melaksanakan 131 inisiatif dalam komuniti mereka.

Pada tahun 2022, seramai 54 orang pemimpin murid di 8 buah sekolah telah menyertai SLC. Dalam tempoh 2 bulan, 14 pasukan terlibat secara aktif dalam membangun dan membentang inisiatif untuk menangani isu dalam komuniti mereka. Hasil pembentangan mereka, pasukan-pasukan itu juga menerima pembayaran untuk melaksanakan projek mereka. Para pemimpin murid menunjukkan usaha yang gigih dan meluangkan masa untuk menganalisis punca isu, mengumpul data daripada pentadbir sekolah dan rakan sebaya, dan membentangkan penyelesaian kreatif.

**54**

Pemimpin Murid

**8**

Sekolah

**14**

Inisiatif

Sebelum *Pitching Day*, para peserta telah menghadiri 4 siri bengkel. Sepanjang bengkel ini, pemimpin murid telah dibimbing oleh kakitangan Accenture, fasilitator TFM dan guru-guru mereka. Kami bersuka cita kerana mendapat sokongan daripada Akademi Arus untuk memudah cara sesi penyelesaian digital dalam SLC pada tahun ini.



"Saya suka mentor-mentor daripada Accenture yang berpengetahuan dan mereka juga menggalakkan kami untuk meningkatkan kemahiran bahasa kami. Bagi saya, seorang pemimpin yang baik ialah seseorang yang mampu membuat keputusan sendiri dan mengambil tindakan."

- Tooshna, SMK Puteri Titiwangsa

"Melalui program ini, saya belajar cara untuk menjadi seorang ketua yang baik untuk kumpulan saya. Harapan saya setelah SLC adalah supaya saya boleh menjadi seorang pemimpin yang baik pada masa hadapan."

- Nurhisyamuddin Al Hadi, SMK Sagil

## WE THINK DIGITAL

Dengan kerjasama Meta dan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia, We Think Digital (WTD) bertujuan untuk mewujudkan komuniti yang terdiri daripada warga digital yang bermaklumat dan bertanggungjawab, serta mempunyai kemahiran asas literasi dan kewarganegaraan digital.

Murid-murid menyertai siri bengkel selama 4 minggu untuk belajar dan meneroka penyelesaian pelbagai isu dalam dunia digital, dengan sokongan mentor yang berkaliber daripada bidang pendidikan dan digital.

Seramai 64 orang murid daripada seluruh negara telah menghadiri Persidangan Kebangsaan WTD yang diadakan di Hotel AC Kuala Lumpur untuk berkongsi impak daripada kempen media sosial enam minggu mereka dan bersaing untuk merebut hadiah utama.



### KEJAYAAN PROGRAM

**93%**

Kepuasan Murid dalam pengalaman pembelajaran modul

**2,100**

Murid terlibat

**+75**

Net Promoter Score bagi siri bengkel

**1,740**

(+50 yang tidak terlibat dalam pertandingan murid WTD)  
Murid melengkapkan semua 6 modul

**16**

pasukan menjalankan kempen media sosial dalam komuniti mereka

**212**

Sekolah

**668**

Murid menyertai pertandingan

**14**


Negeri dan Wilayah Persekutuan terlibat



"Saya telah mempelajari banyak pengetahuan baharu tentang dunia Internet dalam program ini. Proses pertandingan juga menyeronokkan, kami diberi storyboard dan melukis jalan cerita kami. Saya mendapat pengalaman yang baik kerana dapat menyertai pertandingan ini bersama murid-murid dari negara dan negeri lain."

**Nur Dania, murid dari Putrajaya**

## PROGRAM TUTOR TFM



Sejak 2021, TFM komited untuk menyokong sekolah dan guru dalam usaha mereka memulihkan keciciran pembelajaran yang dialami oleh berjuta-juta murid di seluruh negara. Bersama Yinson, kami memobilisasikan gerakan sukarelawan TFM untuk menyediakan kelas tuisyen individu untuk murid-murid sekolah menengah.

**169**

Murid

"Murid saya yang dahulunya mendapat E untuk Bahasa Inggeris telah mendapat B+ dalam ujian percubaan Bahasa Inggeris. Terima kasih TFM kerana menyediakan peluang untuk kami membantu. Ini sebuah pengalaman yang hebat."

- Tutor Sukarela

**30**

Tutor Sukarela

"Program ini telah banyak membantu saya memperbaiki kemahiran Bahasa Inggeris saya yang agak lemah. Miss Neeva banyak memberi tips, rujukan dan latihan yang efektif untuk saya. Akhirnya, saya telah berjaya mendapat markah Bahasa Inggeris sebanyak 84%!"

- Raden, Murid

**81.5%**

Murid menunjukkan perkembangan dalam penguasaan pembelajaran

## PEMBANGUNAN BAHAN PEMBELAJARAN YANG SELARAS DENGAN KURIKULUM KEBANGSAAN

Bahan pembelajaran daripada inisiatif *Learn From Home (LFH)* oleh Yayasan YTL telah diakses lebih 1 juta kali



**▲**  
Inisiatif *Learn From Home* oleh Yayasan YTL telah dianugerahkan *People's Choice Awards* di *Constellations Award 2022* oleh Asian Venture Philanthropy Network (AVPN), sebuah rangkaian pelaburan sosial terkemuka di Asia. Disokong oleh beberapa rakan organisasi lain termasuk Yayasan CIMB.

Pada tahun 2020, Yayasan YTL telah bekerjasama dengan Teach For Malaysia untuk membangunkan modul pembelajaran menarik yang selaras dengan kurikulum kebangsaan. Modul ini ditawarkan secara percuma kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang sedang menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada waktu itu. Usaha ini merupakan salah satu komponen inisiatif *Learn From Home*.

Pada tahun berikutnya, Yayasan CIMB menyertai Yayasan YTL dan Teach For Malaysia dalam pelancaran Fasa 2 Pelajaran Frog LFH. Dalam fasa ini, selain bahan pembelajaran dalam talian, bengkel komuniti juga telah dilaksanakan untuk menyokong murid dan ibu bapa daripada komuniti B40 dalam proses peralihan ke tahun akademik 2022-2023.

Program *Learn From Home* telah dianugerahkan *People's Choice Awards* di *Constellations Award 2022*, oleh Asian Venture Philanthropy Network (AVPN), sebuah rangkaian pelaburan sosial terkemuka di Asia.

## PROGRAM KOMUNITI PERKASA (PKP)

Matlamat Program Komuniti Perkasa 2021-2022 adalah untuk memperkasakan murid-murid daripada komuniti berkeperluan tinggi untuk memimpin pembelajaran kendiri. Selain itu, program ini memberi mereka akses kepada sebuah komuniti yang aktif menyokong pembelajaran luar bilik darjah mereka.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha pemuliharaan pendidikan Yayasan CIMB dan Teach For Malaysia. Kami berkolaborasi dengan komuniti untuk melaksanakan siri bengkel demi meningkatkan motivasi murid untuk belajar serta keyakinan ibu bapa/komuniti untuk menyokong pembelajaran anak-anak mereka. Tutor sukarelawan turut direkrut daripada kalangan kakitangan Kumpulan CIMB, pelajar universiti dan orang awam. Di samping itu, kami bekerjasama dengan Yayasan YTL dan FrogAsia untuk menggunakan bahan pembelajaran daripada inisiatif *Learn From Home* dalam program ini.

Pada tahun 2022, kami bekerjasama dengan ibu bapa, mentor dan sukarelawan untuk menjayakan program ini di dua buah lokasi: PPR HICOM, Shah Alam dan PPR Seri Kota, Cheras.



“Keputusan Bahasa Inggeris saya telah bertambah baik sejak Kak A (Rakan PKP) memberi saya sebuah buku cerita Bahasa Inggeris.”

- Murid PPR Seri Kota

“Kemahiran praktikal dan penetapan minda yang diajar boleh diaplikasikan seumur hidup dalam diri kanak-kanak. Ini lebih baik daripada pengajaran akademik sahaja.”

- Sukarelawan PKP

“Anak perempuan saya yang berusia 13 tahun dahulunya malu dan hanya terdiam dan enggan membuka mulut apabila ditanya soalan. Sekarang dia sekurang-kurangnya dapat berkongsi sedikit pendapat.”

- Ibu dari PPR HICOM

**138**

Murid

**19**

Mentor murid

**81**

Ibu bapa

**90%**

Murid menunjukkan peningkatan kepimpinan

**92%**

Ibu bapa menyatakan terdapat perkembangan dalam menyokong pendidikan anak mereka, menyediakan suasana kondusif di rumah, rutin anak, dan komunikasi dengan anak.

## SEKOLAH ENUMA



Sekolah Enuma ialah sebuah program e-Pembelajaran boleh diperluas untuk menyediakan pembelajaran berterusan bagi kanak-kanak Malaysia berumur 5-8 tahun.

Pada tahun 2022, TFM bekerjasama dengan Sekolah Enuma Malaysia untuk menjalankan program rintis selama 15 minggu di 8 sekolah di Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur. Kami memperoleh jumlah sumbangan sebanyak 241 buah tablet serta tambahan tempoh 12 bulan lesen aplikasi Sekolah Enuma secara percuma bagi semua sekolah yang terlibat.

Keputusan menunjukkan peningkatan 10-12% dalam bilangan pelajar yang mendapat markah melebihi 80% dalam bidang kemahiran utama dalam ketiga-tiga mata pelajaran - Bahasa Melayu, Matematik dan Bahasa Inggeris. Semua sekolah tersebut juga memutuskan untuk meneruskan program secara kendiri.

Program ini disokong oleh ECM Libra, Yayasan Telekom Malaysia dan Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC).

**643**

Murid

**66**

Guru

**169**

Purata jumlah pembelajaran yang dilengkapkan oleh seorang murid

"Program ini boleh mendorong pelajar untuk datang ke sekolah kerana pelajar teruja untuk bermain permainan dalam aplikasi. Aktiviti dalam aplikasi juga membantu pelajar pemulihian yang belum menguasai literasi asas."

- Cikgu Mary, SK Jagoi


# Impak Kolektif

• IMPAK ALUMNI •

## ALUMNI TEACH FOR MALAYSIA



Setelah tamat Program TFM, Alumni kami maju menjawat jawatan kepimpinan dalam sistem sekolah dan merentas pelbagai sektor. Usaha kami dalam Tunjang Tiga (Mobilisasi Komuniti) memberikan sokongan berterusan kepada Alumni yang menjadi pendukung misi kami untuk mengubah sistem pendidikan di mana-mana juga mereka berada.



Kini, pelbagai organisasi yang diasaskan oleh Alumni TFM telah meluaskan impak di seluruh ekosistem pendidikan negara. Misalnya, PEMIMPIN GSL memberi tumpuan kepada pembangunan pemimpin sekolah; Edvolution Enterprise membina kapasiti kepimpinan sistem; manakala Closing The Gap dan Project ID memperkasakan murid B40 untuk mengejar aspirasi akademik dan kerjaya mereka.

**34,216**

Murid

**1,695**

Ibu bapa

**850**

Guru

**1,800**

Sukarelawan

**68,000**

Murid

**6,000**

Ibu bapa

**195**

Sekolah

**13**

Negeri

**2,200**

Peserta

**360**

Guru

**13,500**

Murid

**54**

Sekolah

**6,600**

Murid

**220**

Guru

**240**

Pemimpin Sekolah

**125**

Sekolah

**390**

Penerima biasiswa

**306**

Mentor

**RM9,000,000**

Bantuan kewangan dan biasiswa

**6,354**

Murid

**711**

Sekolah

**930**

Guru

**1,569**

Peserta

**19**

Institusi

## MYREADERS MERAPATKAN JURANG PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

MYReaders diasaskan oleh empat orang Alumni Teach For Malaysia dan menyediakan program membaca yang mampan serta sumber-sumber berkesan dan relevan untuk membantu kanak-kanak menguasai kemahiran asas membaca.



Pada tahun 2022, MYReaders bekerjasama dengan Yayasan PETRONAS untuk menangani keciran pembelajaran dalam kalangan murid berkeperluan tinggi akibat COVID-19. Murid-murid dibekalkan dengan sumber untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran dan mencapai tahap penguasaan seiring dengan rakan sebaya mereka. Dalam program ini, tutor sukarela juga direkrut, dilatih dan disokong untuk menyampaikan sesi bimbingan mingguan Bahasa Inggeris dan STEM dalam talian menggunakan kit literasi MYReaders.



**1,835**

Murid

**87%**

Murid menunjukkan perkembangan dalam pembelajaran

**169**

Murid menunjukkan peningkatan minat dalam STEM, menurut respons ibu bapa

## ANUGERAH



**Anugerah Guru Ikon Pendidikan Maya daripada PPD Timur Laut dan kenaikan pangkat ke DG44 Guru Cemerlang Matematik**

Tengah: Loh Chee Hoo (Alumni 2014)



**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**

Dari kiri:  
Amanda Navaratnam &  
Najwa Shaharil  
(Kedua-dua Alumni 2017)


## PELUANG KEPIMPINAN



**Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Academic and Professional Fellow**

Ketiga dan kelima dari kiri:  
Jasmine Ong (Alumni 2012)  
Dhia Rezki (Alumni 2020)

## BIASWA



**Claudia Anthony**  
(Alumni 2014)



**Nadhirah Syalin Koh**  
(Alumni 2018)



**Candee Chee**  
(Alumni 2016)



**Najwa Shaharil**  
(Alumni 2017)



**Aitidal Shariha**  
(Alumni 2016)

## KISAH ALUMNI

# Najwa Shaharil

Alumni 2017



Najwa kongsikan pengalamannya menyertai *International High School Teacher (HST) Programme* di Pertubuhan Penyelidikan Nuklear Eropah (CERN) di Geneva, Switzerland.

Bersama-sama 42 orang guru Sains sekolah menengah daripada 32 buah negara, saya telah menyertai sebuah program pembangunan profesional guru yang merangkumi siri kuliah Fizik Zarrah, lawatan tapak di pusat CERN serta bengkel amali. Program ini bertujuan untuk membawa pengetahuan Sains Moden ke dalam bilik darjah supaya guru-guru dapat merapatkan jurang antara Sains dan masyarakat.

Dengan memperkenalkan Fizik Zarrah dan perkembangannya di CERN kepada murid-murid saya, saya berharap agar dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk membina kerjaya dalam bidang ini. Saya berharap mereka akan menjadi generasi saintis dan jurutera yang mampu membuat lebih banyak penemuan hebat yang membawa kebaikan kepada manusia sejagat.

Dengan beban kerja yang berat dan permintaan yang tidak realistik, boleh dikatakan bahawa menjadi seorang guru hari ini adalah sangat mencabar. Walau bagaimanapun, itu tidak semestinya menghalang kita daripada mencari jalan, memperbaiki diri dan mengejar minat dan impian kita supaya pelajar kita juga mendapat manfaat daripadanya.

Saya akan mengambil cuti sabatikal untuk menyambung pengajian Sarjana dalam Kurikulum dan Pengajaran di Universiti Putra Malaysia pada Oktober ini. Saya ingin mendalami kaedah mengintegrasikan pembelajaran luar (*outdoor learning*) dan Sains, sambil menyemai sikap prihatin terhadap alam sekitar dalam murid-murid saya. Harapan saya adalah agar mereka dapat menjadi warganegara yang aktif yang berupaya membuat keputusan yang baik serta mengutamakan kelestarian alam alam sekitar untuk negara.

# Nur Azrina Azmi

Alumni 2015



Program TFM membantu saya memahami cabaran yang berlaku di peringkat akar umbi, lumrah kerja sektor awam serta cara mengurus pihak berkepentingan. Pengalaman ini seolah-olah asas yang membolehkan saya membina kemahiran serta menjalankan hubungan dengan individu lain dengan hala tuju yang sama.

Saya kini bertugas sebagai *Adoption Lead* di *Google for Education* untuk pasaran yang sedang pesat membangun di Asia Tenggara. Pasukan saya menyediakan penyelesaian teknologi pendidikan untuk institusi pendidikan dan kementerian pendidikan di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Tugas saya merentas rantau Asia-Pasifik telah membuka ruang untuk menimba ilmu daripada pelbagai kementerian pendidikan, sekolah, pendidik dan pembuat keputusan. Bagi saya, setiap lawatan sekolah amat menyeronokkan dan membuka minda saya. Peluang mengunjungi sekolah di luar Malaysia sememangnya sebuah keistimewaan.

Sebahagian besar kerja saya membolehkan saya bekerjasama dengan Alumni TFM juga, yang kebanyakannya masih memberi sumbangan dalam bidang pendidikan, sama ada di sektor swasta atau awam. Hal ini menunjukkan bahawa gerakan pemimpin TFM berada secara strategik dalam pelbagai lapisan sistem pendidikan dan kita mempunyai pendukung yang menyumbang kepada segenap aspek dalam landskap pendidikan negara.



# Rakan & Penyokong Kami

Kami amat berterima kasih kepada rakan-rakan dan para penaja kami atas sokongan padu mereka

## Rakan Strategik



## Rakan Pendukung



## Rakan Peneroka



## Penyokong



Kami ialah rakan rangkaian pendidikan global

Teach For All




# Kewangan & Tadbir Urus

TFM ialah entiti bukan berdasarkan keuntungan dan dikecualikan cukai. Kami diaudit setiap tahun dan penyata kewangan boleh didapati di laman web kami.

\*\*Untuk memastikan bahawa sebahagian besar dana yang diberikan diperuntukkan secara eksklusif untuk misi kami, pihak pengurusan memastikan bahawa perbelanjaan am dan pentadbiran kami tidak melebihi 30% daripada perbelanjaan untuk tahun tersebut.


## PENDAPATAN

JUMLAH DANA DITERIMA: RM 10.2 JUTA



## PERBELANJAAN

JUMLAH PERBELANJAAN: RM 10.2 JUTA





# Sertai Kami


Bersama-sama, kita mampu berganding bahu memperkasakan semua kanak-kanak di Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka. Sebagai sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan, Teach For Malaysia mengharapkan sokongan yang tidak ternilai daripada para penaja, rakan organisasi dan penderma untuk terus mengejar visi kami. Semua pemberian geran dan derma kepada Teach For Malaysia adalah dikecualikan cukai (LHDN.01/35/42/51/179-6.7027).

## DERMA MELALUI

### Laman Web



### QR



### Bank / Cek

<b>Nama Penerima:</b>	TFM Foundation
<b>Bank:</b>	CIMB Bank Berhad
<b>Cawangan:</b>	KLCC Branch
<b>Nombor Akaun:</b>	86-0015211-3
<b>Kod Swift:</b>	CIBBMYKL

Dengan sokongan anda, kami dapat:

- Meneruskan usaha merekrut, menempatkan dan membangunkan Felo TFM untuk memberikan impak positif kepada pelajar di sekolah berkeperluan tinggi.
- Meluaskan impak dan manfaat program kami ke komuniti dan wilayah baharu untuk membantu lebih ramai pelajar yang berkeperluan tinggi.
- Meningkatkan keupayaan untuk mengukur dan menyampaikan impak program secara berkesan, agar pendekatan kami dapat diperhalusi secara konsisten demi memacu perubahan yang lebih besar.
- Memupuk hubungan yang lebih erat dengan sekolah penempatan dan komuniti mereka, serta mewujudkan hubungan kukuh untuk menggalakkan kemajuan mampan bagi murid.



## #TogetherForMalaysia

Untuk peluang kerjasama:

- getinvolved@teachformalaysia.com
- +603 2026 0700
- +603 2026 0701
- Level 1, Ming Annexe, 9 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

- <https://teachformalaysia.org/>
- @TeachForMalaysia
- @teachformsia
- @TeachForMsia
- @teachformalaysia
- @TeachForMalaysia
- @teachformsia